



PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 23, KOMTAR
10990 Georgetown, Pulau Pinang
Tel : 04-650 5183 Faks : 04-2614399
<http://jkn.penang.gov.my>



Ruj Kami : JKNPP/(S)05/09/1 Jld.6 (20)
: JKNPP/05/02/04/1 (26)
Tarikh : 22 Disember 2025
1 Rejab 1447H

Semua Ketua Jabatan Negeri
Pulau Pinang

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Pulau Pinang

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Pulau Pinang

YB Dato' Seri/ YB Dato'/ Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr./ Yang Amat Arif/
YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan,

**PINDAAN SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI (SPKN) BILANGAN 3
TAHUN 2022:**

- (i) PENETAPAN SEMULA HAD NILAI KUASA PIHAK BERKUASA
MELULUS BAGI PEROLEHAN PERUNDING, DAN**
- (ii) PELANTIKAN JAWATANKUASA PEROLEHAN PERUNDING**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YB Dato' Seri/ YB Dato'/ Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr./ Yang Amat Arif/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima pakai keseluruhan Pekeliling Perbendaharaan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 4 Tahun 2019. Selanjutnya, Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 3 Tahun 2022 telah menggariskan ketetapan berkaitan tadbir urus perolehan perunding termasuk pewujudan Jawatankuasa Perolehan Perunding (JPP) serta kuasa Pihak Berkuasa Melulus (PBM).

i. Penetapan Semula Had Nilai Kuasa Pihak Berkuasa Melulus Bagi Perolehan Perunding

3. Selaras dengan perubahan semasa serta keperluan penambahbaikan tadbir urus perolehan, jabatan ini telah meneliti semula dan melaksanakan pindaan had nilai melulus bagi PBM perolehan perunding seperti berikut:

Pihak Berkuasa Melulus	Had Nilai	Kaedah Perolehan
Jawatankuasa Perolehan Perunding	a) Kos perkhidmatan perunding fizikal sehingga RM250 ribu untuk kos projek sehingga RM20 juta; b) Kos kajian sehingga RM250 ribu; c) Kos kerja ukur sehingga RM250 ribu.	Lantikan Terus Beserta Kos Siling (LTBKS)
Lembaga Perolehan Negeri	a) Kos perkhidmatan perunding projek fizikal sehingga RM250 ribu untuk kos projek melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta; b) Kos perkhidmatan perunding projek fizikal melebihi RM250 ribu untuk kos projek fizikal sehingga RM50 juta.	Lantikan Terus Beserta Kos Siling (LTBKS)
	a) Kos projek fizikal sehingga RM300 juta; b) Kos kajian sehingga RM5 juta; c) Kos kerja ukur sehingga RM5 juta.	Tender Terbuka/ Tender Terbuka Pra Kelayakan
Jabatan Kewangan Negeri	a) Kos projek fizikal melebihi RM300 juta; b) Kos kajian melebihi RM5 juta; c) Kos kerja ukur melebihi RM5 juta.	Tender Terbuka/ Tender Terbuka Pra Kelayakan
	a) Kos projek fizikal melebihi RM50 juta; b) Kos kajian melebihi RM500 ribu; c) Kos kerja ukur melebihi RM500 ribu; d) Tertakluk kepada syarat dan kriteria serta perlu mendapat kelulusan Jabatan Kewangan Negeri bagi kaedah perolehan ini.	Rundingan Terus

ii. Pelantikan Jawatankuasa Perolehan Perunding

4. Merujuk kepada perenggan 4.4.1(d), Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 3 Tahun 2022, pelantikan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Perolehan Perunding hendaklah dibuat secara tahunan atau dua (2) tahun sekali. Berdasarkan ketetapan semasa, pelantikan Jawatankuasa Perolehan Perunding ditetapkan bagi tempoh dua (2) tahun.

5. Walau bagaimanapun, memandangkan pelantikan Jawatankuasa Perolehan Perunding adalah berdasarkan jawatan dan bukan atas nama pegawai, Jabatan ini menetapkan bahawa tiada keperluan untuk mengemukakan pelantikan Jawatankuasa Perolehan Perunding setiap dua (2) tahun kepada Jabatan Kewangan Negeri.

6. Namun demikian, semua jabatan hendaklah memperbaharui pelantikan Jawatankuasa Perolehan Perunding sekiranya berlaku perubahan struktur perjawatan organisasi yang melibatkan pewujudan, pemansuhan atau pindah butiran jawatan, atau apabila terdapat arahan khusus daripada Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.

7. Sehubungan itu, kerjasama YB Dato' Seri/ YB Dato'/ Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr./ Yang Amat Arif/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk mengambil perhatian dan melaksanakan tindakan yang sewajarnya serta memaklumkan pindaan ini kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah kawalan dan seliaan masing-masing.

8. Pindaan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2026**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ZABIDAH BINTI SAFAR)

Pegawai Kewangan Negeri

☎ : 04-6505183

✉ : zabidah@penang.gov.my

